

B.H. 21 MAY 1973

**K**UALA LUMPUR, Ahad. —  
Senator (Dr.) Mahathir Mohamad, hari ini menegur sikap hangat-hangat tahi ayam pada orang-orang Melayu yang merugikan diri sendiri.

Sikap itulah, katanya, yang telah menyebabkan banyak perusahaan orang-orang Melayu patah di tengah jalan.

Dr. Mahathir menyentuh perkara itu semasa berucap merasmikan mesyuarat perwakilan UMNO Bahagian Batu di Sekolah Agama Kampung Batu pagi tadi.

Beliau berkata sikap suka berusaha bersungguh-sungguh pada permulaan satu-satu usaha dan beransur-beransur malas selepas beberapa lama mesti dihapuskan, jika orang-orang Melayu mahu menandingi kaum lain.

Sebagai misal beliau menyebut belia-belia yang menjadi attenden kereta di medan-medan kereta sekitar bandaraya Kuala Lumpur.

Katanya Kerajaan telah sengaja mencabut meter-meter letak kereta yang berharga lebih \$500,000 di sekitar bandaraya untuk membuka peluang kerja bagi belia-belia sebagai attenden kereta.

Tetapi selepas beberapa lama, attenden-attenden itu mulai lesap dari tempat yang mereka sepatutnya menjaga hingga menyusahkan pula pemandu-pemandu untuk membayar.

Ini, katanya, menunjukkan bahawa belia-belia itu tidak berasa syukur atas usaha kerajaan untuk memberi kerja pada mereka.

Beliau menyesali sikap demikian dan mengangapnya sebagai penghalang besar kepada kemajuan dan kejayaan bangsa Melayu seluruhnya.

Dr. Mahathir juga menyentuh tentang segolongan pelajar yang hilang kesedaran diri selepas diberi peluang belajar ke luar negeri melalui biasiswa-biasiswa Kerajaan.

Golongan itu, kata beliau, bukan saja tidak berasa syukur atas bantuan kerajaan itu tetapi telah tergamak memburuk-burukkan Kerajaan pula semasa di luar negeri itu, dengan menyatakan Kerajaan tidak adil memberi biasiswa kepada bumiputra saja.

Sepatutnya, tambahnya, jika mereka benar-benar berpendirian demikian, mereka tidak harus menerima tawaran biasiswa dari Kerajaan itu.

## Kesalahan

Dr. Mahathir juga mengingatkan orang-orang Melayu supaya jangan terlalu suka menyalahkan Kerajaan dan orang lain bila sesuatu usaha mereka gagal.

"Mereka hendaklah sedar akan kesalahan diri sendiri dan berusaha mencari jalan mengatasinya secara sendiri serta menyelesaikan perkara itu dengan jalan sendiri," katanya.

Ketua UMNO Bahagian Batu, Senator Ibrahim Haji Yaacob, dalam ucapannya, menyeru pihak berkenaan supaya jangan hanya memberi jaminan bahawa barang-barang keperluan seperti beras adalah cukup.

Katanya: "Jaminan-jaminan yang tidak praktik itu seharusnya tidak diamalkan lagi dalam masa semua orang telah pandal membaca dan menulis ini.

"Apa yang rakyat berkehendakkan sekarang ini ialah hasil dari tindakan-tindakan yang dijalankan."

Bagaimanapun beliau berterimakasih atas langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kerajaan untuk mengawal kenaikan harga barang-barang.

Lebih 100 orang wakil dari 27 cawangan telah menghadiri mesyuarat perwakilan itu.